

**ARAHAN PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN TERENGGANU.
BILANGAN 2/1981.**

Pemungut Hasil Tanah, Kuala Terengganu.
 Pemungut Hasil Tanah, Besut.
 Pemungut Hasil Tanah, Kemaman.
 Pemungut Hasil Tanah, Dungun.
 Pemungut Hasil Tanah, Hulu Terengganu.
 Pemungut Hasil Tanah, Marang.

PEGAWAI RENDAH PEJABAT TANAH.

Adalah dimaklumkan laitu maklumat telah sampai kepengetahuan pentadbiran Negeri Terengganu bahawa setengah-setengah Pegawai Rendah Pejabat Tanah di Pejabat-pejabat Tanah dalam negeri ini telah enggan menjalankan tugas-tugasnya yang sepatutnya dijalankan oleh mereka. Pihak Pentadbiran Negeri Terengganu telah diberitahu bahawa setengah-setengah Pegawai Rendah Pejabat Tanah telah menganggapkan diri mereka sebagai pegawai dan oleh yang demikian tidak layak menjalankan kerja-kerjanya sebagai buruh. Sayugia dilihat bahawa Pegawai-pegawai Rendah Pejabat Tanah adalah sebenarnya buruh-buruh Pegawai Petempatan dan mereka hendaklah menjalankan kerja-kerjanya sebagai buruh dan tidak sebagai pegawai. Mereka adalah di bawah kawalan Pegawai Petempatan yang berkenaan dan hendaklah mematuhi apa jua arahan yang diberi kepada mereka oleh Pegawai Petempatan.

2. Mulai daripada sekarang jika sekiranya masih didapati ada Pegawai-pegawai Rendah Pejabat Tanah yang enggan menjalankan kerja-kerja mereka sebagai buruh Pegawai Petempatan maka Pegawai Petempatan yang berkenaan adalah diminta membuat laporan kepada tuan dan pihak tuan pula diminta mengemukakan laporan kepada saya dengan tujuan untuk diambil tindakan tatatertib terhadap Pegawai Rendah Pejabat Tanah yang berkenaan.

Sekian,

* BERKHIDMAT UNTUK NEGARA *

Saya yang menurut Perintah,

t.t.
 (DATO' LELA JASA)
 Pengarah Tanah dan Galian,
 Terengganu.

Bil. (52) dlm. PTG. TR. 13/66/1 (SEM)

s.k.
 Yang Berhormat,
 Setiausaha Kerajaan,
 Terengganu.

Kuala Terengganu, 26hb. Januari, 1981.